



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

09 MAC 2021

1. Penjawat awam perlu kuasai teknologi jayakan MyDIGITAL
2. MAFI sasar lahir 750 usahawan tahun ini
3. Lelaki tetak kucing jiran dijel 29 bulan
4. MAQIS: 90pc of smuggled cattle have FMD

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Penjawat awam perlu kuasai teknologi jayakan MyDIGITAL

MyDIGITAL yang dilancarkan Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 19 Februari lalu, menjadi aspirasi kerajaan dalam mentransformasi negara berpendapatan tinggi yang bercirikan pendigitalan.

Sasarannya untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam sektor ekonomi berasaskan digital.

Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia yang turut dilancarkan Perdana Menteri itu pula menggariskan usaha, inisiatif dan penerapan rangka kerja tadbir urus.

Yang penting untuk memacu penyampaian serta pendekatan terhadap kerjasama kerajaan (sektor awam), permia (swasta) serta rakyat (masyarakat).

Melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, aspirasi MyDIGITAL bakal dipenuhi melalui tiga fasa pelaksanaan. Ia meliputi enam teras utama, 22 strategik, 48 inisiatif nasional dan 28 inisiatif sektoral hingga 2030.

Sesuatu perlu dipandang serius apabila rangka tindakan itu menyasarkan seawal tahun depan bagi semua sektor awam menyediakan pilihan pembayaran tanpa tunai dan penggunaan storan pengkomputeran awam merentas sektor awam sehingga 80 peratus.

Malah, menjelang 2025, sektor awam harus memastikan 100 peratus penjawat awam celik digital dan 80 peratus perkhidmatan kerajaan berada dalam talian sepenuhnya.

Hal ini memberikan cabaran besar kepada semua penjawat awam bagi menjayakannya.

Adalah menarik apabila teras pertama digariskan bagi memacu transformasi digital sektor awam dengan menyenaraikan lima strategik utama perlu diberi perhatian untuk dicapai.

Ini menunjukkan betapa penting peranan penjawat awam dalam mendukung tugas paling berat memastikan dasar dan rangka tindakan, terutama di sektor awam berjaya dilaksanakan.

Pertama, mengurus perubahan untuk beralih kepada digital secara berkesan. Maka, satu gerakan besar-besaran terhadap budaya kerja dan cara fikir penjawat awam untuk beralih daripada kaedah tradisional kepada digital dalam setiap pekerjaan serta perkhidmatan harus dilakukan segera.

Dalam hal ini, ketua pegawai maklumat di setiap kementerian diminta menjadi ketua pegawai digital (CDO) sebagai usaha mewujudkan budaya kerja dipacu digital.

CDO bakal menerajui perkara berkaitan teknologi digital, infrastruktur data, tadbir urus data, analisis data, literasi digital, data terbuka dan teknologi pintar.

Kedua, memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti. Hal ini dapat dilakukan dengan memastikan penjawat awam meningkatkan penerimaan masing-masing dalam penggunaan teknologi serta peralatan digital.

Usaha mengutamakan pengkomputeran awam mampu meningkatkan proses kerja dan produktiviti, sekali gus mengamalkan budaya kerja tanpa kertas dalam pekerjaan seharian.

Ketiga, meningkatkan set kemahiran digital penjawat awam. Sudah tiba masanya penjawat awam disediakan set kemahiran bersesuaian dan bermutu tinggi nilainya. Malah boleh dijadikan petunjuk dalam pelbagai penilaian dan promosi kenaikan pangkat pada masa hadapan.

Dalam jangka panjang, usaha ini mengurangkan kebergantungan kepada latihan kepakaran dari luar dan penjimatan kos. Dalam hal ini tiada lapisan gred jawatan boleh dikecualikan.

Keempat, memanfaatkan data untuk menambah baik perkhidmatan kerajaan. Dalam hal ini, penjawat awam harus sedar akan kuasa maklumat dan data yang ada pada mereka.

Data tidak dimanfaatkan, tidak dipersembahkan dan tidak dihubungkan dengan baik hanya menghasilkan sejumlah pembaziran masa serta tenaga banyak.

Menjadi harapan kerajaan bagi memaksimumkan penggunaan data, menambah baik usaha analisis dan me-

ngoptimumkan data boleh dikongsi bersama.

Hab Perkongsian Data Kerajaan (MyGDx) oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) harus terus disokong dan diperkasakan dalam usaha menyediakan perkhidmatan broker data yang sering dirujuk pelbagai agensi.

Pelaksanaannya membolehkan maklumat diselaras dan dikongsi mengentasi agensi dengan lebih efisien.

Kelima, meningkatkan skop dan kualiti perkhidmatan dalam talian bagi menambah baik pengalaman pengguna. Perkhidmatan dalam talian bukan lagi satu pilihan, sebaliknya elemen utama dalam pemberian perkhidmatan.

Malangnya, imej sektor awam sering kali diburukkan dengan tahap perkhidmatan dalam talian yang lemah hingga

menerima kecaman dan persepsi negatif.

Oleh itu, kemuncak kepada kualiti perkhidmatan dalam talian perlu diusahakan penjawat awam adalah memastikan keseluruhan proses transaksi digital dijamin selamat untuk memenuhi keperluan kerahsiaan, pengesahan identiti dan integriti maklumat.

Ini tanggungjawab besar untuk diusahakan setiap penjawat awam di segenap lapisan.

Kesimpulannya, transformasi pengetahuan dan penguasaan digital oleh penjawat awam bukan lagi pilihan, tetapi kemestian. Dalam menghadapi revolusi dan ekosistem digital, penjawat awam perlu serius beradaptasi dengan cepat dengan menyingkir perasaan takut mencuba.

Malah, perlu mendahului khususnya dalam pembentukan infrastruktur, mengawal selia dan pemudah cara kepada negara yang bakal terhubung sepenuhnya.

Hasrat MyDIGITAL untuk 'memperkasakan rakyat dan membolehkan perniagaan' hanya dapat dicapai dengan penjawat awam yang mampu memanfaatkan teknologi, data dan kecerdasan digital, berupaya meningkatkan set kemahiran digital serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam talian di sektor masing-masing.

Penulis adalah Pesarah Kanan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Dalam menghadapi revolusi dan ekosistem digital, penjawat awam perlu serius beradaptasi dengan cepat dengan menyingkir perasaan takut mencuba.



Penjawat awam mesti mempunyai pengetahuan dan menguasai digital dalam pekerjaan seharian selari keperluan semasa.

(Foto hasan)



CHE ABDULLAH melihat buah mangga harumanis yang ditanam di Inapan Seri Laksamana, Kampung Lubuk Kawah, Jitra semalam.

MAFI sasar lahir 750 usahawan tahun ini

JITRA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan untuk melahirkan seramai 750 usahawan muda berjaya, melalui Program Agropreneur Muda (PAM) pada tahun ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, angka tersebut mampu dicapai bersandarkan kepada kejayaan kementerian melahirkan 6,908 agropreneur muda di seluruh negara sejak Januari 2016 hingga Disember tahun lalu.

Katanya, antara cabaran yang perlu diatasi adalah bagi mengubah persepsi anak muda yang menganggap bidang pertanian dan agropreneur sebagai kotor, sukar dan berbahaya.

“Persepsi sebegitu perlu diubah kerana bidang ini sebenarnya menghasilkan pulangan lumayan.

“MAFI berusaha bersungguh-sungguh bagi menyedarkan anak muda mengenai peluang yang ada. Sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan bagi mencapai sasaran melahirkan 750 usahawan muda berjaya

pada tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke destinasi agro pelancongan, Inapan Seri Laksamana yang dikendalikan usahawan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda di Kampung Lubuk Kawah, Jitra, di sini semalam.

PAM yang mula diperkenalkan sejak 2016, dilancarkan khas buat golongan muda berusia antara 18 hingga 40 tahun bagi membantu serta menggalakkan penglibatan mereka dalam sektor agro makanan merangkumi semua bidang di sepanjang rangkaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, pemasaran dan kursus teknikal.

Melalui program tersebut, para peserta berpeluang menerima bantuan antaranya geran berbentuk barangan mencecah RM20,000 bagi projek baharu serta penyediaan bantuan modal melalui pakej pembiayaan khas Tekun Nasional berjumlah antara RM50,000 hingga RM200,000.

Lelaki tetak kucing jiran dijel 29 bulan

Kota Belud: Seorang lelaki berusia 32 tahun dijatuhkan hukuman penjara 29 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam, selepas didapati bersalah menetak kucing milik jirannya di Kampung Timbang Dayang.

Tertuduh, Jaferi Suman dijatuhkan hukuman itu oleh Majistret Lovely Natasha Charles selepas dia mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

Berdasarkan seksyen berkenaan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Mengikut keterangan kes, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu kira-kira jam 3 petang, 3 Julai 2020 di hadapan anak pengadu yang juga pemilik kucing berkenaan.

Berikutan kejadian itu, pengadu membuat lapo-

ran polis keesokan harinya dan tertuduh ditahan pada 5 Julai.

Kejadian berkenaan turut menyebabkan dua anak pengadu trauma selepas melihat sendiri tertuduh yang juga jiran mereka membunuh kucing terbabit menggunakan parang.

Mengikut keterangan kes, siasatan mendapati tertuduh adalah seorang penagih dadah dan mempunyai rekod jenayah lampau.

Terdahulu dalam rayuannya, Jaferi meminta hukuman penjara itu bermula pada 5 Julai tahun lalu dan Lovely kemudian membenarkan rayuan tertuduh.

5 Julai

Hukuman penjara bermula dari tarikh tertuduh direman

Maqis: 90pc of smuggled cattle have FMD

RANTAU PANJANG: Ninety per cent of cattle smuggled into Malaysia have foot-and-mouth disease (FMD).

Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) director-general Saiful Yazan Alwi said the disease might spread to other livestock if left unchecked. He said Maqis officers, especially those stationed along the borders, including in Kelantan, had been told to conduct thorough checks on smuggled cattle seized by enforcement agencies.

“To date, smuggled animals brought to the quarantine centre here have no signs of FMD. If they show symptoms, we will treat them here. Although FMD will not affect people, we are concerned about its spread to other livestock,” he said here yesterday.